

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**PERINTAH HARIAN
SABTU, 15 SAFAR 1447H BERSAMAAN 09 OGOS 2025**

PH05/02/2025

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- 1) **[PL185] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian secara pro-aktif meneroka kerjasama dengan negara jiran, terutama Sarawak dan Sabah dalam industri agro-makanan di mana potensi bagi kerjasama adalah luas dan seharusnya kita bertindak aktif untuk menjalin kerjasama dalam berbagai bidang pertanian dan industri agro-makanan.
- 2) **[PL246] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui jabatan-jabatannya untuk memperkenalkan pendekatan agri-pelancongan di Brunei, memanfaatkan taman dan kawasan pertanian kita sebagai tarikan pelancongan, mengambil kira kejayaan agri-pelancongan di negara lain.
- 3) **[PL277] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah statistik permohonan dan kelulusan kerakyatan tahunan dalam 10-15 tahun lalu, termasuk tempoh menunggu purata dan kategori pemohon, serta apakah langkah ke hadapan untuk memperjelas proses dan mengurangkan permohonan tertangguh dalam kalangan pemohon jangka panjang, memandangkan ramai pemohon masih menunggu sehingga dua dekad tanpa maklum balas jelas.

-
- 4) **[PL172] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam mempercepat pemprosesan permohonan bagi penduduk tetap dan melicinkan laluan kewarganegaraan tanpa mengabaikan keperluan keselamatan negara dan integrasi sosial?
- 5) **[PL240] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai pembentukan dasar LBD ini bagi melahirkan usahawan berjaya dan berdaya saing? Perkara ini telah ditimbulkan oleh ahli-ahli Dewan Perniagaan berkenaan dasar '*Local Business Development*' (LBD), yang dulu adalah antara pemangkin utama pembangunan usahawan tempatan dan mencadangkan agar dasar ini di-*revive* dengan peraturan dan pelaksanaan konsisten dan lebih terarah.
- 6) **[PL221] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah strategik dan pelan tindakan dalam jangka interim, sementara menunggu bangunan tambahan baru Hospital RIPAS yang menghadapi kekurangan katil dalam menempatkan pesakit-pesakit? Ini adalah penting dalam menangani cabaran kritikal dan memastikan pesakit menerima penjagaan kesihatan yang optima dengan serta merta di samping menghindarkan kemudatan memandangkan Hospital RIPAS menghadapi kekurangan katil dalam menempatkan pesakit-pesakit.
- 7) **[PL288] : Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang akan diambil dalam memastikan keadaan wad kelas pertama adalah selesa dan sejajar dengan kos bayaran yang dikenakan? Ini memandangkan beberapa isu sering dibangkitkan berkaitan dengan ketidakselesaian wad kelas pertama seperti televisyen yang rosak, perabot yang tidak memuaskan, serta suasana keseluruhan bilik yang tidak mencerminkan taraf "kelas pertama".

-
- 8) **[PL247] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah langkah-langkah dan strategi Kementerian yang terbaru dalam menangani isu *self-sufficiency* beras hasil tanaman padi negara? Apakah status usaha kementerian dalam melahirkan petani-petani tanaman padi bagi membantu penghasilan padi negara ke arah *self-sufficiency* ini, memandangkan negara masih lagi mengimport beras dari luar negara dan dijual dengan harga subsidi?
- 9) **[PL153] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam memastikan rumah atau kawasan penempatan lama yang bernilai sejarah tidak terpinggir dalam perancangan pembangunan bandar, termasuk dari segi penyelenggaraan asas dan pemetaan semula?
- 10) **[PL213] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan bagaimana Kementerian akan memperbaiki dasar penilaian dan laluan kerjaya Warga Pendidikan? Kaji Selidik Warga Pendidik (2024) mendapati 52% guru menilai proses penilaian dan kenaikan pangkat tidak jelas atau tidak telus, menjejaskan motivasi serta kualiti pendidikan.
- 11) **[PL192] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mempercepatkan proses semakan dan pindaan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Penggai 219) serta undang-undang berkaitan untuk menutup jurang perundangan terhadap bentuk penderaan moden termasuk eksploitasi digital dan penderaan psikologi? Penelitian dan penambahbaikan Seksyen 23(1) hendaklah juga dilaksanakan dengan memperuntukkan kewajipan statutori pegawai perubatan melaporkan semua bentuk penderaan tanpa menunggu pengakuan mangsa.

-
- 12) **[PL219] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah peningkatan perubahan dalam keberkesanan dan impak yang signifikan dalam peranan dan fungsi institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dalam memajukan dan memantapkan aktiviti-aktiviti perekonomian, kemasyarakatan, keagamaan serta kebajikan ke arah menjana serta menaiktaraf sosio-ekonomi masyarakat?
- 13) **[PL168] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menubuhkan satu pusat kawalan dan penyelidikan *veterinary* bersepadu yang dapat mempercepat pengesanan dan respons terhadap wabak penyakit haiwan, serta memperkukuh keselamatan makanan negara?
- 14) **[PL224] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah pendekatan dan strategi Kementerian dalam Pelan Strategik MPRT 2023-2029 untuk mengatasi isu dan cabaran serta meningkatkan industri pelancongan bagi menjana sosio-ekonomi negara? Memandangkan *Economic Blueprint* menempatkan pelancongan di antara sektor utama untuk memperkukuhkan ekonomi negara, namun statistik *ASEAN Tourism 2024* menunjukkan Brunei menerima pengunjung terendah pada 2023.
- 15) **[PL194] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan mengambil signifikan tahun 2026–2027 dalam sejarah negara, apakah ada perancangan Kementerian untuk menjadikannya pemangkin kepada transformasi pelancongan nasional? Dengan memperkenalkannya sebagai “Tahun Melawat Brunei”, bagaimanakah kementerian memastikan perancangan awal dan peruntukan sumber serta kewangan tersedia bagi program-program, termasuk pertandingan mencipta jingle/slogan pemasaran untuk memperkukuh jenama Brunei sebagai destinasi pelancongan eksklusif, lestari dan berbudaya?

-
- 16) **[PL196] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian Pendidikan mengenai Pendidikan Asas Pertolongan Cemas sebagai komponen wajib dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah? Memandangkan keupayaan bertindak balas dalam situasi kecemasan adalah kemahiran asas yang kritikal, pendekatan ini dapat memperkasa generasi muda Brunei dengan pengetahuan menyelamatkan, serta meningkatkan tahap kesedaran, kesiapsiagaan dan responsif terhadap kecemasan dalam komuniti dan persekitaran seharian.
- 17) **[PL262] : Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian Pendidikan kepada sekolah-sekolah yang sudah ditutup terutamanya di kawasan pendalaman? Adakah pihak kementerian berhasrat menyerahkan kepada agensi-agensi kerajaan atau NGOs supaya bangunan tersebut terpelihara daripada ianya di rosak atau dicuri oleh golongan yang tidak bertanggungjawab selain ianya terbiar begitu saja.
- 18) **[PL276] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah pelan tindakan dan sasaran tahunan yang sedang dirangka oleh Kementerian bersama agensi berkaitan untuk menggantikan secara progresif pemegang permit kerja asing dengan graduan tempatan yang telah mengikuti program peningkatan kemahiran seperti SKiPPA, iReady, iSkill dan latihan sektor khusus, serta apakah insentif atau disinsentif yang akan diperkenalkan untuk mempercepatkan peralihan ini?
- 19) **[PL284] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian akan menstruktur semula pengagihan tugas pentadbiran agar lebih terkawal seperti waktu mengajar, demi keseimbangan beban tugas guru? Ini mengambilkira dapatan Kaji Selidik Warga Pendidik bagi tahun 2024 yang menyatakan bahawa hampir 88% guru dan 76% pemimpin sekolah menghadapi beban tugas berlebihan, dengan campuran antara tugas mengajar dan pentadbiran.

-
- 20) **[PL205] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Kementerian melaksanakan program *apprenticeship* luar negara bagi IBTE dan Politeknik berkonsepkan *Discovery Year* Universiti Brunei Darussalam untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar institusi tersebut membina kemahiran industri secara langsung, memperluas pemikiran global, dan menjalin jaringan profesional antarabangsa untuk memperkukuhkan kebolehpasaran graduan TVET dan menyokong agenda tenaga kerja berkemahiran tinggi?
- 21) **[PL233] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah langkah ke hadapan Kementerian untuk memperbaiki ekosistem bisnes ini supaya ianya lebih kondusif dan *business-friendly*, bagi memudahkan perniagaan berkembang maju? Dalam perjumpaan dengan Masyarakat Perniagaan, satu cabaran utama yang ditimbulkan ialah mengenai ekosistem bisnes yang kurang kondusif dan kurang *pro-business* terutamanya berkaitan proses mendapatkan kebenaran, yang menjejaskan perkembangan PMKS tempatan.
- 22) **[PL187] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan sejauhmana Kementerian melaksanakan penilaian menyeluruh terhadap *supply chain* negara termasuk kadar bayaran rentas sempadan dan penaiktarafan Pos Brunei mengikut piawaian antarabangsa, serta memastikan penubuhan satu platform e-dagang milik Brunei bagi memperluas akses produk tempatan ke pasaran global?

3. USUL BILANGAN No.3 USUL PENANGGUHAN [SAMBUNGAN]

“BAHAWA berdasarkan Peraturan Mesyuarat Bilangan 35 (1), semua urusan Mesyuarat telahpun selesai dilaksanakan dan mencadangkan bagi Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

4. PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS

- 1) **[PT055] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang menerima bantuan kewangan pendidikan mengikut jenis bantuan dalam tempoh lima tahun kebelakangan? Adakah terdapat data pemantauan pencapaian akademik mereka?
- 2) **[PT063] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hala tuju strategik Program Ri'ayah Wa Mahabbah (PRWM) dalam usaha meningkatkan pencapaian mampan pelajar-pelajar kurang berkemampuan? Adakah Kementerian telah melaksanakan penilaian menyeluruh terhadap impak program ini sejak ia bermula pada 2014 untuk mengenal pasti kelemahan serta menambah baik pelaksanaan dan keberkesanannya. Apakah hasil penilaian tersebut (jika berkenaan)?
- 3) **[PT080] : Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian telah menjalankan penilaian menyeluruh mengenai kekurangan nutrisi dalam kalangan murid di kawasan Sungai Bunga yang telah dilaporkan mengalami kekurangan nutrisi, terutamanya dari keluarga berpendapatan rendah? Adakah terdapat rancangan untuk memperkenalkan semula program pemakanan sekolah sebagai sokongan kepada Wawasan Brunei 2035?
- 4) **[PT086] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status dan hasil dari *survey* mengenai sistem integrasi pendidikan negara yang telah dijalankan khusus bagi menjaga kesejahteraan guru-guru dan juga keberkesanan dan kualiti sistem pengajaran dan pembelajaran anak-anak di sekolah?
- 5) **[PT074] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk memastikan graduan institusi pengajian Islam dapat diintegrasikan dalam pembangunan ekonomi digital patuh syariah khususnya dalam aspek pematuhan syariah, fintech Islam dan inovasi halal di bawah Rangka Kerja MTIC?

-
- 6) **[PT079] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh MTIC untuk melaksanakan rancangan 2020–2022 untuk menaik taraf sistem pengangkutan awam dalam mengurangkan kesesakan, meningkatkan rangkaian *connectivity* seluruh negara, merangsang ekonomi dan memudahkan pelancong, memandangkan fasiliti seperti hentian bas dan kekerapan perkhidmatan masih di tahap yang tidak memuaskan?
- 7) **[PT094] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah pelan Kementerian untuk berkongsi draf Rancangan Induk Pengangkutan Darat secara terbuka agar Kementerian lain, pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan dapat memberikan input serta bersedia untuk pembinaan infrastruktur, penyesuaian guna tanah dan integrasi sistem semasa?
- 8) **[PT045] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah kes pengabaian, keganasan atau kesunyian yang dilaporkan melibatkan warga emas sejak tahun 2020? Apakah pelan sokongan jangka panjang kerajaan bagi memperkukuh penjagaan komuniti serta pendaftaran penjaga utama bagi golongan ini?
- 9) **[PT062] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejak penubuhannya, sejauh manakah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) telah mengenal pasti tren peningkatan isu sosial dan menilai impaknya terhadap masyarakat? Apakah inisiatif Kementerian untuk memperkasa MKIS sebagai entiti strategik berasaskan data, dengan penyelidikan, pemantauan berterusan, dan kerjasama rentas sektor yang aktif, bagi memperkukuh daya tahan sosial negara serta memastikan keberkesanan MKIS terhadap cabaran sosial yang semakin kompleks?

5. UCAPAN YANG DI-PERTUA